

Cham Yin Hwa

From: Cham Yin Hwa
Sent: Wednesday, 28 July, 2021 6:39 PM
To: Mahadi Hasbullah; Nor Izzati Norhisam
Cc: Zahid Ismail; Wan Fazlin Nadia Wan Osman; Mohamad Muzaffar Abdul Hamid; Mohd Yazid Abdul Majid; Mohammed Alamin Rehan; Azlin Alias; Mohd Khairil Anuar Amir Hamzah; Mazuin Dahlan; Vimala R Muniandy; Farah Sazarina Othman; Mohd Zulkifly Che Mohd Rawawi; Hafizoh Md Aris; Rabiatal Hana Ishak
Subject: [Kertas SH(A) 8: MPC 6/2021] Surat Permohonan Lanjutan Tempoh Jaminan Bon untuk Perkhidmatan Pembangunan Modul Amalan Behavioural Insights (BI) Dalam Penggubalan Dasar Awam
Attachments: Surat Permohonan Lanjutan Bon.pdf; Proses Pelaksanaan Perolehan semasa PKP.jpeg

Salam sejahtera Tuan/Puan,

Merujuk kepada perkara di atas dan juga Mesyuarat Sebut Harga A Bil 7/2021, pembekal bagi perkhidmatan tawaran sebut harga A MPC Bil 6/2021 adalah dikehendaki untuk menyediakan bon jaminan sebagai salah satu syarat perlantikan.

Melalui maklumbalas daripada pihak pembekal, terdapat beberapa kekangan yang telah dihadapi semasa proses permohonan bon jaminan tersebut.

- 1) Untuk berjumpa dengan pegawai bank, tarikh temujanji perlu dibuat sekurang-kurangnya **10 hari** bekerja lebih awal.
- 2) Apabila pembekal telah hadir di bank (cawangan yang terdekat dengan lokasi) seperti tarikh temujanji, bank memaklumkan bahawa pembekal perlu ke cawangan asal di mana akaun bank dibuka.
- 3) Pembekal juga dikehendaki membuka akaun *Fixed Deposit* untuk permohonan bon jaminan.
- 4) Bank akan menghantar permohonan bon jaminan kepada Ibu Pejabat untuk proses seterusnya dan jangkaan masa pemprosesan adalah sekurang-kurangnya **7 hari bekerja**.

Justeru, berdasarkan kekangan di atas dan juga merujuk kepada proses pelaksanaan perolehan semasa PKP, pihak pembekal ingin memohon pertimbangan dan jasa baik untuk permohonan lanjutan penghantaran jaminan bon.

Segala kerjasama dan pertimbangan pihak Tuan/Puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Cham Yin Hwa (Ms.) | Productivity & Competitiveness Development (PCD)
Tel: 03-7955 7266 | H/P: 017-681 3528
Malaysia Productivity Corporation (MPC) | www.mpc.gov.my | <https://www.mylatihanmaya.my/>